BIL. 27 | Dis. 2023

# Berita PESUTM

## Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

Berita ini dinamakan "**Berita PESUTM**". Penamaan nama ini selari dengan hasrat berita ini menjadi wadah penyampaian maklumat kepada ahli berhubung aktiviti yang dilakukan PESUTM. **Berita PESUTM** ini diterbitkan secara tak tetap, iaitu keperluan penerbitannya disandarkan betapa pentingnya sesebuah program yang dianjurkan itu perlu diuar-uarkan kepada ahli. Oleh sebab itu, kaedah penomboran bilangan dicatatkan secara berturutan dalam bulan /tahun. Selain itu, terbitan **Berita PESUTM** ini hanya dalam bentuk digital.



Dihadiri Timb. Yang Dipertua Hj Salleh Mohamad, Saudara Roslan Abd Ghani, S/usaha; Hj Ansar Sidek, Pen. S/usaha; Hj Jamaludin Harun, Bendahari; Dr. Hafizah Harun, Pen. Bendahari; Hj Khalid Mazlan, Ketua Biro Seranta; Tn Hj Dahari Derani, Ketua Biro Kebajikan & Sosial; Hj Ismaal Samat, Ketua Biro Khidmat Profesional; Puan Kasumabahri Masjuriah B Basar, Hj Zainul Rashid A. Bakar, Puan Ramlah Husin, Puan Abrizah Abdul Rahim.

**SKUDAI UTM** | 21 Disember 2023

### SIDANG MESYUARAT JAWATANKUASA PERSATUAN PESARA UTM BIL. 5/2023

Hari yang dinanti-nantikan berukhuwah dengan kawan-kawan kini tiba - 21 Disember 2023 hari Khamis jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Pejabat Kolej Tuanku Canselor Blok R01, Universiti Teknologi Malaysia Johor bersempena sidang Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM (PESUTM) Bil. 5/2023.

Sidang mesyuarat kali ke-5 ini dihadiri 11 ahli dengan dipengerusikan Timbalan Yang Dipertua, Tuan Haji Salleh Mohamad kerana Yang Dipertua, Prof. Emeritus Dr Ahmad Darus berhalangan hadir atas sebab kesihatan. Mesyuarat dimulakan jam 9.30 pagi.

Seperti lazimnya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM agenda yang mendasari pengisian mesyuarat ialah:

1.0 Aluan Pengerusi.
2.0 Meluluskan Minit Mesyuarat J/Kuasa Persatuan Pesara UTM (PESUTM) Bil. 4/2023.
3.0 Perkara Berbangkit.
4.0 Pembentangan Laporan Kewangan.
5.0 Laporan Ahli Baru.
6.0 Pembentangan Aktiviti Biro.
7.0 Tindakan hasil taklimat perubatan Bahagian Pembangunan Organisasi Jab. Pendaftar.
8.0 Tindakan Hasil Cadangan Kerjasama Unit Wakaf UTM.
9.0 Cadangan Tarikh Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-13 dan lain-lain berkaitan.
10.0 Lain-lain Perkara.

Secara umum agenda 2.0, 3.0, 4.0 di atas dibincangkan dengan mendalam terutama berkaitan dengan kewangan persatuan mencakup Tabung Persatuan Pesara UTM dan Tabung Kebajikan Pesara. Perbincangan merentas aspek urus tadbir dan tatakelola akaun agar menjadi teratur, tepat dan berkesan.


**AHLI JAWATANKUASA & BIRO PESUTM 2023-2025**

**YANG DIPERTUA**
Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus (012-722 7429)

**TIMBALAN YANG DIPERTUA**
Tuan Haji Salleh Mohamad (016-733 2345)

**SETIAUSAHA**
Saudara Roslan Abd Ghani (019-712 4394)

**PENOLONG SETIAUSAHA**
Haji Ansar Sidek (019-656 5205)

**BENDAHARI**
Haji Jamaludin Harun (019-778 2613)

**PENOLONG BENDAHARI**
Dr. Hafizah Harun (017-682 4772)

**BIRO SERANTA**
Haji Khalid Mazlan (019-734 8735) | **Ketua**
Haji Bakri Mohd Dahlan (017-790 4489)
Cik Siti Zaiton Borham (019-365 7356)

**BIRO EKONOMI**
Puan Kasuma Masjuriah B. Basar (019-713 1743) |**Ketua**
Prof. Emeritus Dr.Ahmad Kamal Idris (019-728 8000)
En. Muhamad Saad Sulaiman
Puan Faridah Hussein
En. Abdul Hadi Othman
En. Othman Adon

**BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL**
Haji Dahari Derani (019-731 0674) | **Ketua**
Haji Zainal Abidin Hassan (019-756 5751)
Puan Abrizah Abd. Rahim (017-700 1600)
Puan Ramlah Husin (019-780 0244)
En. Abdul Wahab Laberahimah
En. Razali Jantan

**BIRO KHIDMAT PROFESIONAL**
Haji Ismaal Samat (012-707 8574) | **Ketua**
Haji Zainul Rashid Abu Bakar (013-773 6563)
Haji Md Noh Main
En. Mohd Sofian Mohd Amran
Haji Abdul Razib Haji Shahuddin



**SIDANG REDAKSI | Haji Khalid Mazlan** (Penulis, Editor & Pereka Bentuk) I **Haji Bakri Mohd Dahlan** (Jurufoto) I **AJK PESUTM** (Pembekal Sumber)
Laman Sesawang: https://pesara.utm.my/ | Facebook: https://www.facebook.com/PESUTM | https://www.facebook.com/pesarautm/|
e-mel:pesara@utm.my

Selain itu, berbangkit soal perlunya perhatian diberikan supaya penyaluran sumbangan kepada ahli yang sakit, sumbangan akhirat kepada waris ahli yang meninggal dan sumbangan musibah kepada ahli PESUTM dapat disampaikan kepada penerima secepatnya. Turut menjadi fokus perbincangan ialah inisiatif meuar-uarkan kewujudan Tabung Kebajikan Pesara kepada ahli bahkan kepada masyarakat luar. Dalam konteks ini juga diberitahu pilihan penyumbang menyalurkan sumbangan dipermudahkan selain menyumbang menerusi nombor akaun tabung, penyumbang juga boleh menyumbang menerusi DuitNow QR. Mesyuarat turut meminta agar iklan kutipan umum dan Infaq Jumaat perlu dibuat secara istiqamah.

Mesyuarat dimaklumkan oleh Bendahari bahawa Kutipan Bantuan Rakyat Palestin telah disumbangkan ke Tabung Amanah Kebajikan Rakyat Palestin. Turut dimaklumkan bahawa Kutipan Khas Puan Sulieh berjumlah RM2820 telah disampaikan kepada anak beliau di Hospital Sultanah Aminah ketika ziarah ke atas Puan Sulieh Sahlan.

Berhubung dengan aspek kewangan ini, satu Rapat Kerja Kewangan akan didakan pada 26 Disember 2023 bertempat di Pejabat Kolej Tuanku Canselor yang akan dihadiri Timbalan Yang Dipertua, Bendahari, Penolong Bendahari, Setiausaha dan Penolong Setiausaha. Rapat kerja ini diadakan bagi tujuan mengemas kini akaun PESUTM supaya dapat memenuhi keperluan audit dalam dan juga keperluan bagi dibentangkan dalam Mesyuarat Agung PESUTM Kali ke-13 yang direncana diadakan pada 25 Februari 2024.

Bagi segmen Laporan Ahli Baru; mesyuarat dimaklumkan persatuan menerima seramai enam orang ahli baru seperti dibutirkan di bawah.

1. Shahdan bin Sudin 0834
2. Mohammad Rafee bin Majid 0835
3. Rosnah Masod 0836
4. Mohamed Afendi Mohamed Piah 0837
5. Mohd Puat Zakaria 0838
6. Mohd Halil Lail bin Mohd Rukiban 0839

Manakala bagi perkara Laporan Biro – Biro Seranta memaklumkan bahawa sejak mesyuarat lalu aktiviti yang telah dilakukan ialah:

1. Menerbitkan (bahan, sunting, pruf, reka bentuk & FA) Berita PESUTM
   - Berita PESUTM Bil. 17 - Bil. 26.
2. Mengemaskini FB :
   - https://www.facebook.com/pesarautm/
     Memuat naik Berita PESUTM Bil. 17 – 26
   - https://www.facebook.com/PESUTM/
     Memuat naik Berita PESUTM Bil. 17 – 26
3. Mereka Bentuk Poster/Iklan & Booklet
   - Jom daftar jadi ahli persatuan
   - Kutipan Khas Sulieh Sahlan
   - Sumbangan Tabung Kebajikan Pesara
   - Infaq Jumaat
   - Ucapan terima kasih kepada penginfaq
     a. Kutipan pada 24 Nov. 2023 – 7 orang
     b. Kutipan pada 8 Dis.2023 – 13 orang
     c. Kutipan pada 15 Dis. 2023 – 3 orang





BIL. 19 | Oktober 2023

Berita PESUTM
Berita Persatuan Pesara Universiti Teknologi Malaysia

SKUDAI | SKUDAI UTM | 31 Oktober 2023

MESYUARAT JAWATANKUASA PERSATUAN PESARA UTM BIL. 4/2023

Ahli Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM buat kali keempat bertemu dalam sidan Mesyuarat Jawatankuasa Persatuan Pesara UTM (PESUTM)Bil. 4/2023 yan diadakan di bilik Mesyuarat Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO) Pejab Pendaftar UTM. Mesyuarat bermula pada jam 10.30 pagi dipengerusikan Yan Dipertua Persatuan Pesara UTM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Ahmad Darus yan dihadiri 11 ahli terdiri Prof. Emeritus Dr. Ahmad Kamal Idris, saudara Roslan Ab Ghani, Setiausaha: Hj Jamaluddin Harun, Bendahari: Hj Ansar Sidek, Penolon S/Usaha: Hj Khalid Mazlan, Pengerusi Biro Seranta: Puan Kasumabahri Masjuria Baharum Basar, Pengerusi Biro Ekonomi: Tuan Hj Dahari Derani, Pengerusi Bi Kebajikan & Sosial: Hj Zainul Rashid Abu Bakar, Hj Zainal Abidin Hassan, Pu Abrizah Abdul Rahim dan Hj Bakri bin Mohd Dahlan.

Sebelumnya, di bilik sama, pada jam 9.30 pagi telah diadakan sesi taklim bertajuk "Perubatan Pesara" yang dihadiri kesemua 12 ahli jawatankuasa PESUT Taklimat disampaikan oleh Puan Nurnasuha Alwi, Pegawai Tadbir (NA44) yan bertanggungjawab mengurus perubatan staf dan pesara universiti. Dalam se taklimat ini ahli jawatankuasa dijelaskan kemudahan berkaitan perubatan yan mencakupi pesara yang layak mendapat kemudahan perubatan, pusat perubata yang layak pesara mendapatkan khidmat, jenis perubatan, had batas kos ba pesara dan keluarga mendapat kemudahan perubatan di PKU. Selain itu, slot se soal jawab dimanfaatkan sebaiknya oleh ahli dengan banyak pertanyaan hing mengambil masa sekitar 20 minit.

Seperti lazimnya pengisian rentas agenda Mesyuarat Jawatankuasa Persatu Pesara UTM mendasari perkara:

AHLI JAWATANKUASA & BIRO PERSATUAN PESARA UTM 2023-2025

YANG DIPERTUA
Prof. Emeritus Dato' Dr. Ahmad Darus
TIMBALAN YANG DIPERTUA
Tuan Haji Salleh Mohamad
SETIAUSAHA
Saudara Roslan Abd Ghani
PENOLONG SETIAUSAHA
Haji Ansar Sidek
BENDAHARI
Haji Jamaludin Harun
PENOLONG BENDAHARI
Dr.Hafizah Harun
BIRO SERANTA
Haji Khalid Mazlan | Ketua
Haji Bakri Mohd Dahlan
Cik Siti Zaiton Borham
BIRO EKONOMI
Puan Kasuma Masjuriah B. Basar | Ketua
Prof. Emeritus Dr.Ahmad Kamal Idris
En. Muhamad Saad Sulaiman
Puan Faridah Hussein
En. Abdul Hadi Othman
En. Othman Adon
BIRO KEBAJIKAN & SOSIAL
Haji Dahari Derani | Ketua
Haji Zainal Abidin Hassan
Puan Abrizah Abd. Rahim
Puan Ramlah Husin
En. Abdul Wahab Laberahimah
En. Razali Jantan
BIRO KHIDMAT PROFESIONAL
Haji Ismaal Samat | Ketua
Haji Zainul Rashid Abu Bakar
Haji Md Noh Main
En. Mohd Sofian Mohd Amran
Haji Abdul Razib Haji Shahuddin

SIDANG REDAKSI | Haji Khalid Mazlan (Editor & Pereka Bentuk) | Haji Bakri Mohd Dahlan (Jurufoto) | AJK PESUTM
Laman Sesawang: https://pesara.utm.my/ | Facebook: https://www.facebook.com/PESUTM | https://www.facebook.com/pesara
e-mel:pesara@utm.my






- Ucapan terima kasih penyumbang:
  - a. Kutipan Khas Sulieh Sahlan (26 orang).
  - b. Kutipan Bantuan Palestin (13 orang)
- Aktiviti yang dianjurkan
  - a. Jom Belajar Renang 2.0
- Takziah keluarga simati
  - a. Allahyarham Jamil Yusof – 0048
  - b. Allahyarhamah Asiah Jusoh – 0431
  - c. Allahyarham Zakaria Abu Zarim –0615
  - d. Allahyarham Kamaruzaman Adam
  - e. Allahyarham Dahalan Md Yasin
- Ucapan tahniah individu/organisasi
  - a. Puan Nor Azizah Ismail ; Naik gred
  - b. Naib Canselor sambung pelantikan
- Ucapan hari lahir : bermula Disember.
- Salam Ukhuwah/Silaturrahim Ahli Baru
- Dapatan Infaq Jumaat

4. Menghebahkan bahan yang telah direka bentuk kepada 8 kumpulan whatsapp
5. Menghebahkan bahan yang telah direka bentuk kepada 6 Broadcast Lists
6. Menghebahkan bahan kepada 8 kumpulan whatsapp dan 6 Broadcast Lists
   - Pekeliling Kerajaan berkait dengan pesara
   - Maklumat kesihatan diperoleh daripada sumber sahih (cth KWAP, KKM dll).

Biro Khidmat Profesional pula melaporkan e-Pesara dan sistem pascapersaraan dijangka mula dibangunkan pada April 2024. Selain itu, biro juga akan mengenal pasti mereka yang layak menaiktaraf laman web PESUTM.

Bagi Biro Kebajikan dan Sosial kini giat merencanakan beberapa program lawatan - dua lawatan ke utara telah berlangsung dengan jayanya. Mengikut jadual awal tahun depan program lawatan ke Pantai Timur mula dirancang. Biro ketika ini sedang menguruskan program "Lunch Akhir Tahun" pada 27 Disember bertempat di Lounge Cafe', Grand Paragon Hotel, JB. Sambutan daripada ahli amat menggalakkan.

Menyentuh persediaan mengadakan Mesyuarat Agung PESUTM Kali Ke-13, mesyuarat sepakat tarikh 25 Februari 2023 dipilih sebagai hari penganjuran mesyuarat tersebut. Perasmi YBhg Dato' Naib Canselor UTM.

Selain itu, mesyuarat menarik perhatian supaya Setiausaha membuat persediaan sebulan sebelum Mesyuarat Agung tersebut diadakan.


















**MEMORIAM**
**Persatuan Pesara UTM**

## *Al Fatihah*

**Allahyarham Haji Jamil Yusof (0048)**
- **22 November 2023**

**Allahyarhamah Asiah Jusoh (0431)**
- **23 November 2023**

**Allahyarham Haji Zakaria Abu Zarim (06**
- **5 Disember 2023**

**Allahyarham Haji Aziz Nordin (0541)**
- **23 Disember 2023**










